

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH : 15.6.2015

SOALAN :

Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji persempadanan semula bagi daerah pendidikan PPD yang besar mengambil kira jumlah sekolah dan jumlah pelajar yang sesuai untuk sistem penyampaian yang lebih baik dan sistematik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) diwujudkan bagi membantu Jabatan Pendidikan Negeri dalam pengurusan hal-hal pendidikan di sesebuah negeri. Di bawah Anjakan ke-8 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu Transformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian, JPN dan PPD akan diperkukuh untuk memacu fungsi PPD. PPD seharusnya menyediakan sokongan secara terus kepada pemimpin sekolah dan bertindak secara proaktif dalam mengurus prestasi sekolah bagi memastikan keberhasilan murid dapat dipertingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persempadanan bagi daerah pendidikan PPD adalah merujuk kepada garis panduan Pihak Berkuasa Tempatan. Buat masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk mengkaji semula persempadanan daerah PPD kerana PPD sedia ada masih boleh mengurus hal-hal pendidikan di daerah masing-masing.

RJM90